

## **ANALISIS TAHAP AMALAN KOMUNIKASI NON-VERBAL (KNV) GURU BAHASA ARAB MELALUI BAHASA BADAN DI IPT**

Hairun Najuwah Jamali

Tel: +6012-3658724 Email: hairunnajuwah@kuis.edu.my

Hanis Najwa Shahrudin, ,

Tel: +6013-3963319 E-mail: hanisnajwa@kuis.edu.my

Hibriyatul Rifhan Abu Bakar

Tel: +6012-3648689 E-mail: hibriyatulrifhan@kuis.edu.my  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Dr. Fitri Nurul 'Ain Nordin

Tel: +6013-3002293 E-mail: fit3man@gmail.com  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Nur Khadijah Abu Bakar

Tel: +6019-2486786 E-mail: nurkhadijah2402@gmail.com  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

### **ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis tahap amalan komunikasi non-verbal (KNV) guru bahasa Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui saluran bahasa badan. Komunikasi non-verbal (KNV) secara umumnya berlaku tanpa menggunakan sebarang lafaz tetapi merujuk kepada semua sumber yang boleh memberikan mesej selain daripada apa yang dilafazkan. Komunikasi non-verbal (KNV) adalah proses yang menyempurnakan pertukaran idea dan makna di antara individu tanpa sebutan. Objektif kajian ini adalah menganalisis tahap amalan KNV guru yang mengajar subjek bahasa Arab melalui salah satu salurannya iaitu bahasa badan di Instituti Pengajian Tinggi di Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan ialah analisis secara statistik deskriptif iaitu peratusan, kekerapan, nilai min dan juga sisihan piawai.

**Kata kunci:** *Tahap Amalan, KNV, bahasa badan.*

### **PENGENALAN**

Bahasa merupakan elemen penting dalam komunikasi Pearson (2000) mengatakan bahawa bahasa adalah kod simbol, huruf atau perkataan dengan pelbagai makna yang disusun mengikut peraturan susunan ayat yang digunakan untuk berkomunikasi. Untuk tujuan komunikasi pula ia berlangsung dalam dua keadaan iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan yang juga dikenali sebagai komunikasi nonverbal (KNV).

Kedua-dua jenis komunikasi ini sebenarnya saling melengkapi antara satu sama lain. Contohnya ketika kita mengucapkan terima kasih (komunikasi lisan) pastinya dihiasi dengan senyuman (komunikasi bukan lisan). Ketika kita faham tentang sesuatu perkara, kita pastinya mengangguk kepala (komunikasi bukan lisan) dan berkata 'ok' atau 'faham' (komunikasi lisan). Contoh ini menunjukkan bahawa komunikasi lisan (verbal) dan bukan lisan (non verbal) saling melengkapi dan bekerjasama untuk melahirkan makna dalam sesuatu perilaku komunikasi (Nor Suhaila et. al, 2014).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa, komunikasi non verbal (KNV) dilihat dapat mempengaruhi minat pelajar mempelajari bahasa. Mehrabian (1971) menyatakan bahawa bahasa badan antara aspek komunikasi yang mampu menyampaikan mesej dengan berkesan, iaitu 7% daripada komunikasi lisan, 38% daripada intonasi dan nada suara manakala 55% daripada bahasa badan. Dalam hal ini 93% daripada makna yang disampaikan dalam komunikasi adalah bersifat tanpa lisan.

Dalam Nor Suhaila et.al (2014) menyatakan Floyd (2009) mempunyai dakwaan yang lebih realistik menunjukkan bahawa terdapat antara 65-70% mesej diperoleh secara bukan lisan, manakala baki antara 30-35% lagi secara lisan. Kajian oleh Sulaiman Masri & Ahmad Khair (2005) menyebut 20% daya tarikan dalam pertemuan bersemuka adalah melalui perkataan manakala baki 80% daripada gerakan muka, mata badan, jarak, pakaian, penampilan, bau, dan nada suara. Terdapat juga persamaan pada kajian Zulkifli Abdullah (1999) dalam kajiannya cuma menekankan enam elemen atau saluran bukan lisan untuk dijadikan fokus kajian beliau iaitu kinesik atau gerak tubuh, ekspresi wajah dan kontak mata, paralinguistik, proksemik, sentuhan, dan artifaktual.

Kajian secara akademik tentang komunikasi non verbal (KNV) telah mula berkembang lewat 1960-an atau 1970-an apabila pakar dalam bidang psikologi, sosiologi, antropologi, dan komunikasi mula menyedari bahawa kajian tentang KNV memainkan peranan penting dalam komunikasi manusia yang kurang mendapat perhatian penyelidik secara meluas kerana kebiasaan kajian umumnya berkisar komunikasi lisan sahaja. Antara lain, kurangnya kesedaran terhadap kepentingan KNV dalam PdP dalam kalangan guru dan pelajar akan memberi kesan dan akibat yang pasif pada perkembangan pendidikan negara. Kajian Garry (1992) turut menyokong kepentingan KNV bagi mewujudkan pengajaran yang berkesan.

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan KNV telah dijalankan. Antaranya Nor Shafrin Ahmad et.al (2009) mengenal pasti aspek komunikasi lisan dan bukan lisan dalam kalangan guru pelatih, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia. Kajian mereka mendapati bagi aspek komunikasi bukan lisan, guru tidak dapat menunjukkan ekspresi muka yang bersungguh-sungguh semasa menyampaikan isi penting atau semasa menggambarkan sesuatu situasi. Nor Suhaila et.al (2014) pula mengkaji komunikasi bukan lisan, iaitu penggunaan bahasa badan dalam PdP dengan menfokuskan kepada pelajar. Kajian beliau mendapati bahawa bahasa badan dapat menghidupkan PdP bahasa, juga dapat menyampaikan makna dengan lebih tepat seiring dengan emosi yang mempengaruhi bahasa badan. Gregersen (2009) dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Recognizing Visual and Auditory Cues in the Detection of Foreign Language Anxiety*, Gregersen (2007) dalam penyelidikannya, *Language Learning Beyond Words: Incorporating Body Language Into Classroom Activities* dan Dunn (1998), *Nonverbal Communication: Information Conveyed Through The Use Of Body Language*. Ketiga-tiga kajian ini menfokuskan kepada kepentingan bahasa badan dalam komunikasi dan pengajaran.

Yang (2017) menyatakan bahasa badan adalah perlu dalam pengajaran. Bahasa badan mempunyai fungsi untuk meningkatkan pengaruh dalam pengajaran, untuk meningkatkan kesan bahasa bunyi dan mengukuhkan peranan maklumat. Melalui bahasa badan yang dilakukan oleh guru, perhatian pelajar dapat ditingkatkan dalam satu-satu masa pengajaran.

Walau bagaimanapun, keperluan gerakan bahasa badan adalah berbeza dari satu kelas pengajaran dengan yang lain berdasarkan keperluan pelajar.

Oleh itu, kajian yang ingin disampaikan di dalam kertas kerja ini adalah analisis amalan KNV dalam kalangan guru bahasa Arab di institusi pengajian tinggi (IPT) iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). IPT ini dipilih adalah kerana bahasa pengantaraan yang digunakan di dalam kelas adalah di dalam bahasa Arab. Analisis ini adalah berdasarkan persepsi pelajar terhadap amalan KNV guru Bahasa Arab melalui saluran bahasa badan.

Justeru, kajian ini mengkaji mengenai komunikasi non verbal dalam kalangan guru bahasa Arab di IPT untuk mengenal pasti kefahaman pembelajaran bahasa Arab pelajar disamping ketrampilan mereka dari segi berkomunikasi, berkolaboratif dan juga mempunyai sikap yang lebih positif hasil daripada kaedah pembelajaran komunikasi non verbal ini.

Justifikasi pemilihan KNV adalah disebabkan kurangnya kajian terhadap KNV dalam PdP bahasa Arab dalam kalangan guru-guru di IPT walau pun sebenarnya KNV telah diamalkan secara tanpa disedari. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan salah satu saluran KNV iaitu bahasa badan yang juga disebut sebagai kinesik. Bahasa badan merupakan bahasa tubuh dari setiap gerak geri keadaan tubuh ketika berdiri, duduk, dan berjalan. Ia menyampaikan cara-cara komunikasi non verbal. Hal ini melibatkan bahasa badan yang ditunjukkan oleh guru di IPT terpilih sebagai wasilah pembelajaran KNV selama sesi kelas bahasa Arab berlangsung.

### **BAHASA BADAN ( KINESIK)**

DeVito (2002) menyatakan bahawa, "bahasa badan adalah alat yang tenang, rahsia dan kuat untuk mengekalkan kesihatan kemahiran interpersonal. Kemahiran lisan yang baik menggabungkan dengan berkesan bahasa badan mencipta minat, kesan jangka panjang pada minda pelajar dan tentunya penglibatan mereka dalam perbincangan".

Kinesik atau *kinesiology* adalah istilah KNV yang merujuk kepada kajian tingkah laku anggota tubuh badan manusia seperti cara berjalan, berdiri, duduk atau mana-mana gerakan anggota badan yang mengiringi termasuk pergerakan kepala, tubuh, lengan dan kaki (Mc Auley 1992). Ia untuk menyampaikan cara-cara komunikasi non-verbal kepada penerima mesej. Pelopor bidang ini, Ray, L. Birdwhistell telah mengkaji tentang bagaimana, bila dan dalam bentuk apakah jenis kelakuan ini terjadi dalam hubungannya dengan gerakan lain dan ucapan yang melibatkan setiap orang semasa berkomunikasi.

Kajian kinesik juga meliputi isyarat tangan, gerakan kepala, mata, ekspresi muka, postur tubuh, gerakan bahu, lengan, kaki, tangan, dan jari. Ia juga sering disebut sebagai bahasa badan iaitu isyarat yang seseorang hasilkan melalui gerak badannya, samada dengan sengaja atau tanpa disedarinya yang memungkinkan seseorang untuk menafsirkannya sebagai satu mesej komunikasi. Mulyana (2005) pula menyatakan terdapat lima komunikasi badan iaitu komunikasi tangan, komunikasi bersalaman, komunikasi senyum, komunikasi kepala dan komunikasi renungan mata. Menurut Richard E. Potter dan Larry A. Samoval dalam *Intercultural Communication: A Reader* (Cengage Learning, 2014), bahasa tubuh adalah proses pertukaran fikiran dan gagasan dengan penyampaian pesan berupa isyarat, ekspresi wajah, pandangan mata, sentuhan, artifak (lambang yang digunakan), diam, waktu, suara, serta postur dan gerakan tubuh.

### **METODOLOGI**

Kertas kerja ini akan memfokuskan perbincagannya tentang KNV melalui saluran bahasa badan yang diamalkan oleh guru-guru bahasa Arab di IPT terpilih. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif iaitu menjalankan satu tinjauan untuk mengkaji amalan Komunikasi non verbal (KNV) dalam kalangan guru bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Kajian ini

menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah – pembolehubah tersebut dan juga menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2005; Azhar Harun et al., 2005).

Populasi pelajar bahasa Arab untuk IPT terpilih ini sebanyak 620 orang, dan sampel kajian terdiri daripada 252 orang pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), iaitu bilangan yang sesuai dan mencukupi untuk tujuan generalisasi kepada populasi (Krejcie & Morgan, 1970) . Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Proses pembangunan instrumen melibatkan input daripada pelajar dan guru. Satu set soal selidik telah dibangunkan bagi tujuan mengumpul maklumat berkaitan amalan Komunikasi Non Verbal (KNV) dalam kalangan guru bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Analisis daripada kajian dibuat dengan menggunakan ujian reliability pada program *Statistical Package for The Social Sciences* (SPSS) versi 22.0.

Bagi menilai tahap kajian ini, pengkaji menggunakan interpretasi skor min oleh Rudzi (2003) bahawa skor min antara 1.00 hingga 2.33 adalah merujuk kepada tahap persetujuan yang rendah, skor 2.34 hingga 3.66 menunjukkan persetujuan yang sederhana manakala skor 3.67 hingga 5.00 pula menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi. Jadual 1 di bawah menunjukkan tahap persetujuan pakar dan murid terhadap perisian yang telah dibangunkan

Jadual 1 Skala Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Rudzi (2003)

### 1.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan ini memaparkan hasil analisis data responden terhadap amalan KNV guru Bahasa Arab di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menggunakan amalan KNV melalui saluran bahasa badan ketika PdP dijalankan.

No	Item	Jadual 2 Taburan Bahasa Badan					Min	SP	Input
		1 STS	2 TS	3 KS	4 S	5 SS			
C10.	Menggerakkan badannya untuk melakukan sesuatu fenomena [seperti menggigil-kan badan se-bagai menggambarkan sejuk].	0.4 % (1)	4.4 % (11)	12.7% (32)	44% (111)	38.5% (97)	4.16	0.837	Tinggi
C11.	Menggunakan isyarat badan untuk menggantikan sesuatu perkataan [seperti mengiakan sesuatu	1.2 % (3)	3.6 % (9)	13.9% (35)	47.6% (120)	33.7% (85)	4.09	0.849	Tinggi

	dengan hanya meng- anggukkan kepala tanpa berkata “ya”].								
C12.	Menggunakan isyarat tangan untuk mengilustrasi sesuatu [seperti berkata “bulat” sambil ke-dua- dua tangannya digerakkan mem- bentuk bulatan “O”].	-	5.2 % (13)	14.3% (36)	47.6% (120)	32.9% (83)	4.08	0.821	Tinggi
C13.	Menggunakan gerak Isyarat badan untuk menjelaskan makna sesuatu perkataan [seperti menggigilkan badan menerangkan makna takut].	0.8 % (2)	3.2 % (8)	11.5% (29)	49.2% (124)	35.3% (89)	4.15	0.804	Tinggi
C14.	Menggunakan isyarat tangan dan kepala secara serentak tanpa suara untuk memberikan keizinan kepada pelajar.	2.4 % (6)	4.4 % (11)	22.6% (57)	46.4% (117)	24.2% (61)	3.86	0.917	Tinggi
C15.	Menggunakan gerak tangan untuk mem- bayangkan sesuatu semasa P&P.	0.4 % (1)	3.6 % (9)	13.1% (33)	57.5% (145)	25.4% (64)	4.04	0.751	Tinggi
C16.	Menggunakan isyarat tangan yang sopan sewaktu meminta pelajar menjawab soalan.	-	2.0 % (5)	14.7% (37)	47.6% (120)	35.7% (90)	4.17	0.746	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>(min=4.08, s.p =0.818)</b>		

Sumber: Soal Selidik (2018)

Saluran bahasa badan mempunyai 7 item. Kesemua item dalam saluran ini mempunyai nilai min yang tinggi (3.86-4.17) iaitu C16, C10, C13, C11, C12, C15 dan C14.

Tiga (3) item min yang tertinggi adalah pada item C16 “Menggunakan isyarat tangan yang sopan sewaktu meminta pelajar menjawab soalan” (min=4.17, s.p=0.746), C10 “Menggerakkan badannya untuk melakonkan sesuatu fenomena [seperti menggigilkan badan sebagai menggambarkan sejuk]” (min=4.16, s.p=0.837), dan C13 “Menggunakan gerak isyarat badan untuk menjelaskan makna sesuatu perkataan [seperti menggigilkan badan menerangkan makna takut]” (min=4.15, s.p=0.804). Manakala untuk item yang paling rendah nilai min dalam saluran ini adalah item C14 “Menggunakan isyarat tangan dan kepala secara serentak tanpa suara untuk memberikan keizinan kepada pelajar” (min=3.86, s.p=0.917), dan C15 “Menggunakan gerak tangan untuk membayangkan sesuatu semasa P&P” (min=4.04, s.p=0.751).

Dapatan juga merekodkan nilai peratusan persetujuan yang paling tinggi oleh responden adalah pada 3 item iaitu C13 sebanyak 84.5% (213 orang), C16 sebanyak 83.3% (210 orang) dan C15 sebanyak 82.9% (209 orang). Bagi peratusan yang paling tinggi pada item yang tidak dipersetujui adalah C14 sebanyak 6.8% (17 orang) manakala untuk item yang kurang setuju pula majoriti responden memilih item C14 seramai 57 orang (22.6%). Keseluruhan dapatan menunjukkan nilai min yang diperoleh bagi saluran ini adalah tinggi ( $\text{min}=4.08$ ,  $s.p=0.818$ ).

Analisis mendapati kategori ini mendapat nilai skala yang tinggi pada kesemua 7 item terhadap amalan KNV guru mereka. Gambaran bahasa badan yang sangat dipersetujui responden ketika belajar bahasa Arab adalah guru mereka menggerakkan badannya untuk melakonan keadaan sejuk dan menggunakan isyarat tangan yang sopan sewaktu meminta pelajar menjawab soalan. Antara lain gerakan dan isyarat badan yang dipelajari ketika PdP bahasa Arab ialah menggunakan isyarat badan untuk menjelaskan makna sesuatu perkataan seperti menggigilkan badan untuk menerangkan makna takut dan menggunakan isyarat badan untuk menggantikan sesuatu perkataan seperti menganggukkan kepala tanpa berkata “ya”.

Hasil kajian mendapati, bahasa badan (kinesik) merupakan yang ditakhsirkan untuk menyampaikan mesej komunikasi. Menurut Brodey (1998), gerakan badan yang dilakukan semasa percakapan boleh memberikan banyak makna berbeza bergantung kepada konteks. Antara lain, dapatan Nordin et. al (2017) menjelaskan gerakan tangan semasa bertutur juga boleh melancarkan pertuturan kerana gerakan tangan membantu seseorang mendapatkan perkataan sesuai untuk digunakan. Pergerakan tersebut sangat praktikal dilakukan oleh guru ketika proses PdP berlangsung.

Dapatan ini menunjukkan pergerakan badan mampu menghidupkan susunan PdP Bahasa. Ia sejajar dengan kajian Nor Suhaila et.al (2014) juga mendapati bahawa apabila kata-kata yang diujarkan bergabung dengan bahasa badan dapat menghidupkan suasana PdP bahasa. Kajian ini juga mendapati bahawa pelajar amat peka dengan bahasa badan ketika proses PdP dijalankan. Mereka menjaga komunikasi renungan mata, mimik muka dan pergerakan tangan dengan baik. bahasa badan yang dipamerkan selari dengan makna yang ingin disampaikan.

selain itu, dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan guru mereka juga ada menggunakan isyarat tangan semasa proses PdP bahasa Arab untuk mengilustrasi sesuatu seperti berkata “bulat” sambil digerakkan membentuk bulatan “O”. Pada kategori ini, dapatan kajian merekodkan penggunaan isyarat tangan dan kepala secara serentak tanpa suara untuk memberikan keizinan kepada pelajar merupakan antara item yang mewakili segelintir pelajar yang sangat tidak bersetuju dengan amalan KNV guru yang sebegini. Tingkah tersebut merupakan sebahagian dari budaya masyarakat yang mementingkan nilai budaya seperti beradab sesama manusia agar saling menghargai. Dapatan ini disokong berdasarkan kajian Wood (2010) bahawa sesuatu gerak isyarat boleh membawa mesej dan makna berbeza disebabkan perbezaan budaya dan adat.

Mohd Safiee Hj. Idris et.al (2008) juga menjalankan kajian tentang penguasaan komunikasi bukan lisan atau KNV dalam pengajaran di kalangan Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka. Kajian beliau menunjukkan bahawa responden juga menguasai kemahiran komunikasi bukan lisan ini dengan baik yang mana ia juga turut mencatat skor min yang tinggi. Kajian beliau menekankan aspek komunikasi bukan lisan ini



sebagai salah satu item yang dikaji kerana ia juga adalah bentuk komunikasi yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dengan komunikasi bukan lisan guru dan pelajar dapat membina makna antara satu sama lain. Biasanya samada sedar atau tidak, kita sering menggunakan komunikasi bukan lisan ini dalam kehidupan seharian kita. Malah penggunaannya adalah lebih kerap daripada komunikasi lisan ini. Komunikasi bukan lisan bermaksud respon yang bukan linguistik. Begitu juga dalam proses pengajaran dan pembelajaran, setiap tingkahlaku guru dan murid juga adalah bentuk komunikasi yang tidak nampak. Hasil dapatan kajian ini keseluruhannya menunjukkan bahawa guru-guru teknikal menguasai komunikasi bukan lisan ini secara tidak langsung melalui pengalaman mengajar dan sebagainya. Skor min keseluruhan yang diperolehi adalah tinggi.

## **KESIMPULAN**

Komunikasi non verbal merupakan salah satu variasi komunikasi tanpa kata-kata yang mampu memberi kesan kepada golongan sasaran. Dalam konteks PdP, bahasa, amalan KNV dalam kalangan guru dilihat sebagai salah satu elemen yang mampu merangsang kepada kefahaman pelajar dalam subjek bahasa. Kemahiran guru dalam KNV ini sangat penting demi menjana minat pelajar terutama dalam proses pembelajaran bahasa sasaran. Penggunaan komunikasi verbal (KV) dan non-verbal (KNV) saling mempunyai perkaitan dan pelengkap kepada kefahaman pelajar untuk memahami pembelajaran bahasa. Walau bagaimanapun, KNV perlu diserasikan dengan keperluan pelajar yang mempelajari bahasa sasaran. Pergerakan bahasa badan haruslah menepati keperluan audien iaitu pelajar dalam satu-satu masa PdP. Kajian ini dapat menjelaskan kepada pelajar bagaimana fungsi bahasa badan dalam pembelajaran bahasa yang disampaikan oleh guru. Pelajar sebagai responden kajian amat bersetuju bahawa guru bahasa Arab mereka mengamalkan KNV ketika menyampaikan pengajaran bahasa. Adalah diharapkan kajian lebih terperinci tentang KNV ini dapat dijalankan pada masa hadapan bagi memantapkan lagi PdP bahasa Arab.

## **PENGHARGAAN**

Kertas kerja ini adalah hasil dapatan kajian geran penyelidikan GPIK KUIS 2017 yang bertajuk "Amalan Komunikasi Non Verbal (KNV) Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab Institut Pengajian Tinggi (IPT)". Terima kasih kepada RMC KUIS, ahli-ahli penyelidik dan pembantu penyelidik yang memberi kerjasama di sepanjang kajian ini dijalankan.

## **RUJUKAN**

- DeVito, J. A. (2002). *The interpersonal communication book* (9th edition). New York: Longman.
- Gregersen, T. S. (2009). Recognizing visual and auditory cues in the detection of foreign-language anxiety. Diakses pada 8 Januari 2014, daripada [www.tesolcanadajournal.ca](http://www.tesolcanadajournal.ca)
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining samples size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607 - 610.
- Mehrabian, A. (1971). *Silent messages*. Belmont California: Wadsworth Pub. Co.
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Safiee Hj. Idris. (2008). Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia*.
- Mulyana, D. (2005). *Ilmu komunikasi: Suatu pengantar*. Bandung: Remaja Rosdakarya.

- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. 2017. *Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah & Rahimi Che Aman. (2009). Kemahiran komunikasi guru pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, hlm. 125-142.
- Nor Suhaila Che Pa et.al (2014), *Makna Tanpa Kata-Kata: Peranan Bahasa Badan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Available from: [https://www.researchgate.net/publication/303971730\\_Makna\\_Tanpa\\_Kata-Kata\\_Peranan\\_Bahasa\\_Badan\\_Dalam\\_Pengajaran\\_Dan\\_Pembelajaran\\_Bahasa](https://www.researchgate.net/publication/303971730_Makna_Tanpa_Kata-Kata_Peranan_Bahasa_Badan_Dalam_Pengajaran_Dan_Pembelajaran_Bahasa) diakses pada 12 April 2019.
- Rudzi Munap. 2003. Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi MARA. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yang Xiaoling The Use of Body Language in English Teaching Theory and Practice in *Language Studies*, Vol. 7, No. 12, pp. 1333-1336, December 2017. Diakses pada 16 April 2019.
- Wood, J. T. 2010. *Interpersonel Communication: Every Day Encounters* (6<sup>th</sup> Ed.). Boston: Wadsworth.